



جابتني أخاك إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(SF)

Tarikh: 7 Zulhijah 1446H
4 Jun 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	6 Jun 2025 / 9 Zulhijah 1446
Tajuk	Ibadah Wuquf: Lambang Kesatuan dan Persaudaraan Ummah

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"IBADAH WUQUF: LAMBANG KESATUAN DAN PERSAUDARAAN UMMAH"

6 Jun 2025 / 9 Zulhijah 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati llahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan, takwa berupaya mengawal hati, akal dan perbuatan agar sentiasa berada di landasan yang mendapat keredaan llahi. Bersempena 9 Zulhijah, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**IBADAH WUQUF: LAMBANG KESATUAN DAN PERSAUDARAAN UMMAH**"

Firman Allah SWT, ayat 198 surah al-Baqarah:

﴿لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَفْضَلْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَأَذْكُرُوهُ كَمَا هَدَدْتُكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لِمِنَ الظَّالِمِينَ﴾

Bermaksud: Tidak menjadi kesalahan bagi kamu untuk mencari kurnia (rezeki hasil perniagaan ketika mengerjakan haji) daripada Tuhanmu. Maka apabila kamu telah bertolak dari Arafah (menuju ke Muzdalifah), berzikirlah kepada Allah (dengan doa, talbiah dan tasbih) di Mahsyar al-Haram (Muzdalifah). Dan berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah sebagaimana yang ditunjukkan-Nya kepadamu dan sesungguhnya kamu sebelum itu benar-benar termasuk dalam kalangan orang yang salah jalan ibadatnya.

¹ Memuji Allah² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW³ Pesan Taqwa



Kemuncak ibadah haji ialah wuquf di Padang Arafah. Wuquf di Padang Arafah adalah rukun haji yang kedua. Jemaah haji tanpa mengira bangsa atau warna kulit, darjat atau keturunan, kaya atau miskin, pemimpin atau rakyat biasa, wajib berhimpun di Padang Arafah walau seketika, untuk menyempurnakan ibadah wuquf yang melambangkan kesatuan dan persaudaraan umah.

Rasulullah SAW menitipkan pesanan yang amat bermakna menjelang akhir hayat Baginda, ketika menyampaikan khutbah '*Hujjatul Widak*', merupakan khutbah terakhir Rasulullah SAW, disampaikan di Padang Arafah pada waktu Zohor hari Jumaat, 9 Zulhijah tahun kesepuluh Hijrah; sabda baginda SAW mafhumnya:

“Wahai manusia, setiap Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Sesungguhnya Tuhanmu satu, bapamu satu, semua kamu daripada Adam, Adam daripada tanah, kamu semua adalah sama, tidak seorang pun lebih mulia dari yang lainnya kecuali dengan takwa. Tiada lebihnya seorang Arab daripada bukan Arab kecuali dengan takwa”

Jemaah yang dilimpahi kebaikan Zulhijah

Menyingkap hikmah daripada ibadah wuquf, mimbar menarik perhatian Jemaah kepada tiga nilai berikut:

Pertama: Kesatuan dan persaudaraan umat Islam

Ibadah wuquf menzahirkan kesatuan ummah. Ibadah wuquf mendidik ummah agar menginsafi nilai kesamaan sesama manusia. Semasa berwuquf, para jemaah haji memakai kain ihram yang sama, berhimpun di tempat yang sama di Arafah, bertalbiah membesarluan Allah SWT, berdoa kepada Allah yang Esa, bermunajat, beristighfar, berzikir dan membaca al-Quran. Mereka punya satu matlamat, satu perjalanan, satu cita-cita untuk memperoleh haji yang mabruur yang tiada balasannya melainkan syurga Allah SWT. Falsafah ini harus difahami dan dihayati untuk menzahirkan kesatuan ummah dalam pelbagai sudut kehidupan.



Ibadah wuquf juga menzahirkan nilai persaudaraan sesama umat Islam. Jutaan manusia dari seluruh pelosok dunia terdiri daripada pelbagai bangsa, warna kulit dan keturunan, mengamal pelbagai adat dan budaya serta bertutur pelbagai bahasa, berpeluang untuk saling berkenalan, bertaaruf, menyelami ukhuwah Islamiah, berkasih sayang, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT. Jika falsafah ini difahami, diinsafi dan dihayati, insya-Allah, nasib umat Islam akan terbela di mana juga mereka berada. Nilai kasih sayang dan persaudaraan sesama Muslim sangat berharga dan menjadi asas dalam Islam; firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُوا فَاصْلِحُوهُا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat.

Kedua: Bayangan perhimpunan di Padang Mahsyar

Ibadah wuquf ialah bayangan Padang Mahsyar. Manusia akan dihimpunkan pada hari kiamat untuk diadili segala perbuatan mereka. Ibadah wuquf ini, hendaknya mencetuskan rasa insaf dalam sanubari insan. Andai kata sebelum ini, berlakunya perbuatan memutuskan silaturahim, mengadu domba, memfitnah, mementingkan diri sendiri, berburuk sangka, menipu, bergaduh dan berkelahi sehingga runtuh institusi keluarga, masyarakat berpecah belah, ummah menjadi lemah dan tidak berdaya maju, insaflah! kita pasti akan dihimpun dan diadili di hadapan Allah SWT di Padang Mahsyar seperti mana berhimpunnya jemaah haji di padang Arafah.

Ketiga: Berbantah bantahan menjaskan mabruk haji

Antara perbuatan yang ditegah dan dicela semasa melaksanakan ibadah haji khususnya ketika berwuquf di padang Arafah, ialah berbantah bantahan hingga boleh membawa kepada keburukan dan kemaksiatan. Firman Allah SWT dalam surat al Baqarah ayat 197:



﴿الْحَجَّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي
الْحَجَّ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فِي أَنْتَ خَيْرُ الْأَنْزَادِ الْشَّقَوَى وَأَتَّقُونَ يَأْتُونَ
الْأَلْبَابِ ﴾ W

Bermaksud: (Masa untuk mengerjakan ibadah) haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi. Oleh itu, sesiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu untuk mengerjakan haji, maka dia tidak boleh mencampuri isterinya, berbuat maksiat dan bertengkar semasa mengerjakan ibadah haji dan apa-apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, nescaya Allah mengetahuinya. Dan berbekallah sesungguhnya sebaik-sebaik bekal ialah takwa dan bertakwalah kepada Ku, wahai orang yang berakal (yang dapat berfikir dan memahami).

Islam melarang perdebatan yang mengundang perbalahan sehingga mengakibatkan terputusnya silaturahim dan tercetusnya persengketaan. Semasa mengerjakan ibadah haji, perbuatan sedemikian akan menjelaskan mabruh haji. Islam tidak melarang umatnya berhujah dan berdebat secara ilmiah untuk mencari titik persamaan, tetapi jangan sampai mengorbankan nilai persaudaraan. Umat Islam seharusnya bijaksana mendepani perbezaan pandangan agar tidak berlaku perpecahan dalam masyarakat. Sifat bertolak ansur, berfikiran terbuka, mengakui kelemahan dan kesilapan diri, maaf memaafkan sesama saudara seagama ialah sifat terpuji, sebaliknya sifat taksub buta dicela dalam Islam.

Jemaah Rahimakumullah

Berbahagia dan beruntunglah umat Islam yang melakukan ibadah puasa sunat 9 Zulhijah pada hari ini. Semoga melalui ibadah berpuasa sunat pada 9 Zulhijah ini, selaras dengan Sabda Rasulullah SAW, Allah SWT mengampunkan dosa setahun yang lepas dan setahun akan datang.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى أَلِهٖ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوًّا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُوْلِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ}.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينِ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah Ya Rabbal 'Alamin! Tautkan jiwa kami dengan ikatan keimanan dan ketakwaan. Hiasi diri kami dengan iman dan takwa memelihara kesatuan dan persaudaraan Islam. Kurniai kesihatan yang baik kepada semua jemaah haji yang sedang menyempurnakan ibadah haji dan anugerahkanlah kepada mereka haji yang mabrur. Lindungi keselamatan mereka dan mudahkan perjalanan pulang mereka ke kampung halaman masing-masing.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.



Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
 الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ،
 وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
 مَا تَصْنَعُونَ.